

03 APR 2001

RRJP3-NEGERI

RRJP3 GIATKAN PEMBANGUNAN NEGERI-NEGERI KURANG MAJU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Teras dasar pembangunan wilayah dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) adalah untuk mempercepat pembangunan negeri kurang maju dan mengurangkan ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara wilayah.

Ketika membentangkan RRJP3 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata antara langkah yang akan diambil termasuklah menggalakkan pemusatan aktiviti ekonomi mengikut negeri berdasarkan kekuatan perbandingan mereka.

Di samping itu, kerajaan akan meneruskan program penyebaran industri dan memajukan lagi infrastruktur serta peluang menikmati kemudahan asas yang berkualiti di negeri kurang maju, katanya.

Dr Mahathir berkata semua negeri telah mencatatkan kemajuan dalam kualiti hidup hasil daripada peningkatan pendapatan per kapita serta peluang menikmati infrastruktur, perkhidmatan sosial dan kemudahan asas yang lebih baik.

Memandangkan syarikat Bumiputera telah menembusi sektor pembinaan, pengangkutan dan pertanian, mereka perlulah mempelbagaikan kegiatan dalam aktiviti lain yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi terutama sektor pembuatan, perkhidmatan dan runcit.

Perdana Menteri berkata persekitaran yang boleh membantu mereka akan diwujudkan, termasuk penyediaan insentif dan pembiayaan bagi membantu Bumiputera memperolehi teknologi yang sesuai serta kepakaran pengurusan.

Di samping itu, program penswastan akan terus dilaksanakan bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk usahawan Bumiputera di peringkat korporat.

Dr Mahathir berkata program untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan lebih banyak usahawan Bumiputera yang berdikari, yang berdaya tahan dan yang bertaraf dunia yang mampu bersaing secara berkesan dalam perniagaan tempatan dan antarabangsa.

"Usahawan Bumiputera perlu menerap nilai dan etika perniagaan yang baik supaya mereka lebih berjaya dan mampu berdikari," katanya.

Beliau berkata bagi memajukan lebih ramai usahawan Bumiputera, program pembangunan vendor dan francais sedia ada akan diperkukuh serta diperluaskan.

Kerajaan juga akan meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam sektor kecil perdagangan runcit melalui Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau PROSPER.

Projek ini bersifat khusus, dan akan menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan seperti penyediaan premis dan modal, mengenal pasti peluang perniagaan serta latihan dalam pengurusan perakaunan dan tunai.

"Adalah diharap PROSPER akan berjaya mengimbangkan kehadiran Bumiputera di pusat-pusat pertumbuhan yang baru," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan merangka mekanisme yang sesuai untuk meningkatkan kadar penyertaan Bumiputera dalam sektor moden dan memastikan corak guna tenaga mencerminkan komposisi etnik.

Katanya, kapasiti institusi pendidikan tinggi awam akan dipertingkatkan bagi menambah peluang khususnya pendidikan kepada Bumiputera untuk mengimbangi institusi pengajian tinggi swasta.

Dr Mahathir berkata institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dikehendaki menambah bilangan pengambilan pelajar Bumiputera serta

memastikan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran. -- BERNAMA  
MR MFJ OS